

'Kuman super' ragut 1.2 juta nyawa

PARIS – 'Kuman super' iaitu bakteria kebal terhadap ubat antibiotik telah membunuh seramai 1.2 juta orang pada tahun 2019, demikian menurut satu kajian menyeluruh yang disiarkan semalam.

Angka kematian itu bermakna jangkitan bakteria yang kebal terhadap antibiotik menyebabkan lebih banyak kematian berbanding HIV/AIDS atau demam malaria.

Laporan disiarkan dalam jurnal *The Lancet* itu turut mendapati bahawa kekebalan mikrob juga memainkan peranan dalam sekitar 3.68 juta kematian yang lain.

"Data baharu ini mendedahkan skala sebenar kekebalan mikrob di seluruh dunia dan menjadi isyarat jelas bahawa kita mesti bertindak sekarang untuk memerangi ancaman tersebut," kata penulis bersama kajian, Chris Murray dari Universiti Washington.

Menurutnya, meskipun anggaran sebelum ini menyatakan bahawa kuman super boleh membunuh sehingga 10 juta orang pada setiap tahun menjelang 2050, kajian tersebut menunjukkan penanda aras berkenaan akan dicapai dengan lebih cepat.

"Kita perlu bertindak balas ke atas data ini dengan melaksanakan langkah pembetulan dan inovasi sewajarnya supaya terus kekal di hadapan dalam menangani masalah kekebalan mikrob," katanya.

Kajian dan anggaran melibatkan 204 negara dan wilayah



SEORANG penyelidik menunjukkan piring petri mengandungi kuman super, *Staphylococcus epidermidis* di Melbourne. – AFP

PENGGUNAAN ubat antibiotik secara tidak terkawal untuk mengubati jangkitan bakteria menyumbang kepada kewujudan kuman super. – SHUTTERSTOCK

itu adalah berdasarkan jangkauan data meluas daripada pelbagai sumber termasuk sistem kesihatan awam, rangkaian pemantauan farmaseutikal, kajian sebelum ini dan banyak lagi.

Menurutnya, kekebalan mikrob

berlaku apabila bakteria berevolusi untuk menjadi kebal terhadap ubat antibiotik.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan situasi tersebut sebagai krisis kesihatan global dan menubuhkan sebuah pasukan bertindak untuk meng-

kaji rawatan alternatif.

Satu kaedah alternatif itu melibatkan kategori virus pemakan bakteria yang dinamakan *bacteriophage* atau singkatannya, *phage*.

Satu kajian kes mengenainya disiarkan dalam jurnal *Nature*

Kita perlu bertindak balas ke atas data ini dengan melaksanakan langkah pembetulan dan inovasi sewajarnya supaya terus kekal di hadapan dalam menangani masalah kekebalan mikrob."

CHRIS MURRAY

Communications pada Selasa lalu dan memperincikan tentang bagaimana doktor-doktor di Belgium menggunakan terapi *phage* untuk menyembuhkan seorang pesakit yang kakinya dijangkiti bakteria selama hampir dua tahun. – AFP